

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA



KKM mengesahkan siasatan lanjut ke atas 46 kes mpox disahkan sebagai negatif. — GAMBAR HIASAN

Kes mpox masih belum ada di Malaysia

JOHOR BAHRU — Sebanyak 46 kes yang sebelum ini disyaki sebagai virus cacar monyet atau mpox di negara ini disahkan sebagai negatif.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, setakat kini Malaysia masih kekal dengan rekod sembilan kes mpox yang dikesan pada akhir tahun lepas.

Katanya, seramai 5.2 juta pengembara telah disaring di pintu masuk negara dan dari situ lah timbulnya 46 kes yang disyaki menghidap mpox.

"Bagaimanapun, selepas ujian dilakukan kita dapat kes-

muanya negatif. Ia merupakan isu kesihatan awam tetapi berbeza dengan Covid-19 yang melibatkan lockdown.

"Mpox tidak sampai ke tahap itu (lockdown)," katanya ketika ditemui selepas mengetuai Program Walkabout Premis Bersih, Bebas Asap di Jalan Dobby di sini semalam.

Menurut Dr. Dzulkefly, pihaknya telah mengambil langkah pencegahan proaktif bagi memastikan mpox tidak merebak.

Tambahnya, kerajaan akan terus memantau tahap kesihatan terhadap pengembara di kesemua laluan masuk.

EUSHAHIDAH BINTI MOHD SALLEH | PENGETUA KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL

+ 46 kes disyaki Mpox disahkan negatif

Johor Bahru: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan sebanyak 46 kes yang disyaki suspek virus cacar monyet atau monkeypox (Mpox) adalah negatif.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, jumlah itu diperoleh hasil saringan ke atas 5.2 juta pengembara yang masuk ke negara ini setakat ini.

"Mutakhir ini, kita sudah saring 5.2 juta (pengembara) dan daripada jumlah itu kita dapat 46 kes suspek Mpox, namun berita gembiranya, semua negatif.

"Sehingga kini, kita belum berdepan apa-apa cabaran, semoga ia kekal begitu. Terakhir, kita berdepan kes positif dalam varian clade II (dua) bukan I (satu) yang lebih ganas iaitu sembilan kes pada Disember 2023," katanya ketika sidang media selepas mengadakan Program Walkabout Premis Bersih, Bebas Asap (BeBAs) di Jalan Dhoby di sini, malam kelmarin.

Turut hadir, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Ling Tian Soon dan Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dr Mohtar Pungut@Ahmad.

Dr Dzulkefly berkata, sejak 16 Ogos lalu, KKM sudah memulakan segala langkah siap sedia terutama di pintu masuk sempadan negara.

Dalam lawatan ke negeri ini, beliau turut memantau operasi di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) bagi memastikan semua langkah kesiapsiagaan diletakkan.

"Kita mengambil langkah yang wajar dan sesuai. Kita lakukan saringan di pintu masuk. Kita terus tingkatkan segala jagaan pintu masuk dari laut, udara dan antarabangsa. Ini tidak akan sebabkan kelewatan (pelepasan)," katanya.

Pada masa sama, beliau berharap situasi Mpox di negara ini tidak dibandingkan dengan negara jiran, Singapura bagi mengelakkan suasana menggusarkan.

"Jangan terlalu buat perbandingan dengan Singapura. Kita punya cabaran sendiri dan SOP (prosedur operasi standard) yang kita sudah letakkan. Singapura ada kuarantine, kita tidak sampai ke tahap itu kerana kita masih terkawal, tiada kes positif," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

8

NASIONAL

SINAR HARIAN • SABTU 7 SEPTEMBER 2024

Sinar
TELUS & TULUS
Harian

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Heret ke mahkamah, tamat kontrak

Asyraf Wajdi ambil tindakan tegas terhadap kontraktor Dewan Selera MRSM Taiping

Oleh DIANA AZIS
SHAH ALAM

Majlis Amanah Rakyat (Mara) akan mengenakan tindakan tegas dengan menamatkan kontrak kontraktor Dewan Selera Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Taiping yang sambil lewa mengenai kebersihan premis serta penyediaan makanan kepada pelajar.

Pengerusi Mara, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki menegaskan, pihaknya juga akan mengheret kontraktor berkenaan ke mahkamah ekoran mencetuskan risiko kesihatan kepada penghuni institusi pendidikan tersebut.

"Kita boleh tahan ke kalau cicak nak berak? Jawab kontraktor Dewan Selera MRSM Taiping dengan bongkok bilia saya tanya kenapa dapur kotor dengan tahi cicak dan tidak dibersihkan.

"Memang confirm (sah) saya akan ambil tindakan tegas termasuk memberhentikan kontrak dan tindakan mahkamah kepada kontraktor yang ambil tindakan sambil lewa," katanya menerusi hantaran di laman Facebook beliau pada Jumaat.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan, menu makan malam yang ditetapkan dalam piawaian Mara didakwa tidak dilikuti oleh pengusaha Dewan Selera MRSM Taiping, Perak.

Susulan itu, Asyraf Wajdi mengadakan lawatan mengejut bagi meninjau keadaan penyediaan makanan berikut seramai 62 pelajar mengalami keracunan makanan sehingga dikehjarkan ke pusat kesihatan pada 30 dan 31 Ogos lalu.

Dalam pada itu Asyraf Wajdi turut mengarahkan Bahagian Undang-Undang



FOTO: FB DR ASYRAF WAJDI DUSUKI

asyraf Wajdi (tengah) ketika meninjau kawasan penyediaan makanan di Dewan Selera MRSM Taiping.

Mara untuk mengambil tindakan perundangan terhadap kontraktor berkenaan selain menamatkan kontrak serta-merta.

Terdahulu, rata-rata ibu bapa di ru-

ngan komen Facebook Asyraf Wajdi mendakwa penyediaan makanan kontraktor berkenaan tidak mencapai kualiti ditetapkan, sekali gus mahu tindakan tegas terhadap pihak terlibat.

Dewan Selera MRSM Taiping sudah diarah tutup - Exco Kesihatan

IPOH - Jabatan Kesihatan Perak telah mengarahkan penutupan Dewan Selera Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Taiping susulan kejadian keracunan makanan melibatkan 62 pelajar di institusi pendidikan tersebut pada 30 dan 31 Ogos lalu.

Exco Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional Perak, A Sivanesan berkata, Pejabat Kesihatan Daerah Larut, Matang dan Selama (PKD LMS) telah menerima sebanyak 30 notifikasi kes keracunan makanan pada 30 Ogos diikuti 32 kes tambahan pada hari berikutnya dari Klinik Kesihatan Taiping melibatkan pelajar yang tinggal di asrama MRSM Taiping.

Menurutnya, hasil siasatan awal di lapangan mendapat kesemua pelajar tersebut yang berusia 16 dan 17 tahun mempunyai sejarah makan di Dewan Selera MRSM Taiping dan mengalami gejala sakit perut, cirit-birit, pening, loya, demam serta muntah.

"Pihak PKD LMS telah membuat pemeriksaan premis Dewan Selera MRSM Taiping pada 30 Ogos 2024 jam 11.45 pagi dan mendapat bawahan rating pada waktu tersebut adalah 70.11 peratus. Sehubungan itu, pihak PKD LMS telah mengeluarkan arahan penutupan premis Dewan Selera MRSM Taiping di bawah Seksyen 18(1)(d) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

"Pemeriksaan semula ke atas

premis Dewan Selera MRSM Taiping telah dilakukan pada 2 September 2024 jam 3.15 petang dan mendapat bawahan rating pada waktu tersebut adalah 88.51 peratus dan dibenarkan beroperasi semula dengan penambahbaikan yang dicadangkan," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Sivanesan berkata, sebanyak empat sampel klinikal telah diambil dari kalangan kes yang bergejala serta dua sampel makanan dan 13 sampel pengendali juga telah diambil pada 30 Ogos untuk dihantar ke Makmal Kesihatan Awam Ipoh untuk tujuan analisis.

Menurutnya, pihak pejabat kesihatan juga telah merancang untuk melakukan pemeriksaan premis tersebut secara berkala bagi memastikan pihak pengendali makanan di premis tersebut sentiasa mematuhi prosedur pengendalian makanan yang selamat.

"Saya amat kesal dengan apa yang berlaku kerana kejadian sama pernah berlaku di lokasi berkenaan pada 2018, malah laporan mengenainya kita telah hantar kepada pihak sekolah serta Mara (Majlis Amanah Rakyat) untuk tindakan lanjut. Kita mengambil serius perkara ini dan tindakan tegas akan diambil kepada pihak pengusaha.

"Kejadian itu tidak sepatutnya diambil lewa oleh mana-mana pihak kerana kita tidak mahu ada anak-anak ini yang menjadi korban pihak yang tidak bertanggungjawab," katanya.